

12 JUL 1999

Affifuddin-Bubar

KERAJAAN JAMIN KEBAJIKAN BURUH INDIA SELATAN TERUS DIJAGA

KUALA LUMPUR, 12 Julai (Bernama) -- Kebajikan buruh India Selatan, yang mendiami Rumah Orang Tua Buruh India Selatan di Nibong Tebal, akan lebih terjamin selepas Lembaga Kumpulan Wang Buruh India Selatan dibubarkan nanti, kata Timbalan Menteri Sumber Manusia Datuk Dr Affifuddin Omar.

Beliau berkata kebajikan kira-kira 50 orang buruh India Selatan itu akan diletakkan di bawah Jabatan Kebajikan, yang pasti memberi penjagaan lebih baik.

"Anggapan bahawa apabila mereka ini diletakkan di bawah Jabatan Kebajikan, mereka tidak akan mendapat layanan baik, tidak berbangkit," katanya kepada pemberita di lobi parlimen selepas menerima memorandum daripada 16 pertubuhan bukan kerajaan India yang meminta supaya kerajaan mengkaji semula atau tidak membubarkan lembaga itu.

Beliau berkata penubuhan lembaga itu diluluskan pada 1958 di Parlimen untuk menjaga kebajikan buruh India Selatan dan keturunan mereka serta menghantar golongan itu, yang bekerja ladang di negara ini, pulang ke negara mereka.

"Kita telah hantar 27,000 orang (buruh India Selatan) pulang dan yang tak mahu balik ada kira-kira 50 orang. Yang tinggal inilah yang menerima faedah daripada tabung itu dan kebanyakannya adalah yang lanjut umur dan tinggal di rumah orang tua yang dibina oleh lembaga itu," katanya.

Sebelum itu, di dalam dewan, Affifuddin telah membentangkan Rang Undang-undang Kumpulan Wang Buruh Indian Selatan (Pembubaran) 1999 untuk bacaan pertama.

Rang undang-undang itu antara lain bertujuan membolehkan kerajaan mengambilalih kuasa, keistimewaan, kewajipan, liabiliti dan obligasi lembaga serta pemindahan semua tanah dan aset lain lembaga kepada kerajaan.

Ketika memberi penjelasan lanjut mengenai rang undang-undang itu kemudian, Affifuddin berkata timbul salah anggapan golongan itu bahawa harta yang dipegang oleh lembaga iaitu wang tunai RM2.39 juta dan kira-kira 20 hektar ladang dan tanah di Nibong Tebal yang akan diambilalih oleh kerajaan nanti tidak akan digunakan untuk kebajikan buruh India Selatan.

Memorandum mewakili pertubuhan bukan kerajaan India termasuk Majlis Belia Hindu Malaysia, Malaysia Hindu Sangam, Majlis Kelab Bell India Tamil Malaysia, Persatuan Thirukkural dan Persatuan Telugu Malaysia.

Memorandum yang sama turut dikemukakan kepada Menteri Kerja Raya Datuk Seri S. Samy Vellu di lobi Parlimen, yang mengakibatkan pertelingkahan antara Samy Vellu dan Anggota Parlimen DAP bagi Teluk Intan, M.Kulasegaran.

Samy Vellu berkata mengapa kumpulan itu tidak menemui beliau terlebih dahulu sebelum mengeluarkan memorandum berkenaan.

"Saya telah kemukakan pandangan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai rancangan kerajaan membubarkan lembaga itu dan telah menyatakan bahawa saya akan hanya bersetuju (bubarkan) jika kebajikan buruh India Selatan itu terus dijaga," katanya.

Pada satu ketika berlaku pertikaman lidah apabila Kulasegaran mencabar Samy Vellu supaya menjelaskan perkara sebenar di dalam dewan.

"Datuk Seri, sila bercakap dalam Parlimen YB. Jelaskan fakta-fakta anda," kata Kulasegaran.

Samy Vellu pula menjawab, "Saya sudahpun berada di Parliamen sebelum anda dilahirkan. Saya tidak takut untuk bercakap dalam Parlimen. Tidak perlu beritahu saya...saya sedia bersemuka dengan sesiapa pun."

Beliau juga mendakwa Kulasegaran mengambil kesempatan daripada kejadian

itu untuk kepentingan peribadinya.  
-- BERNAMA  
NZ NAK